

KUALA LUMPUR, 15 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN AKAN MENIMBANGKAN PENYERTAAN SYARIKAT PEMBINAAN TEMPATAN DALAM PROJEK TURNKEY BERNILAI BERATUS JUTA RINGGIT JIKA DAPAT MEREKA MEMPUNYAI KEUPAYAAN MEMBINA BANGUNAN DENGAN CEPAT DAN CEKAP.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN HARAPAN KERAJAAN IALAH SUPAYA SYARIKAT PEMBINAAN DI NEGARA INI MEMBESARKAN DIRI SAMA ADA MELALUI GABUNGAN ATAU PERUSAHAAN BERSAMA SUPAYA MEREKA JUGA MAMPU DAN BOLEH DITIMBANGKAN SEBAGAI CALON PROJEK TURNKEY (SIAPGUNA) SECARA BESAR-BESARAN.

"ZAMAN SYARIKAT KEPUNYAAN KELUARGA ATAU ORANG PERSAORANGAN DALAM INDUSTRI PEMBINAAN SUDAH BERAKHIR," TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN MENARA PROMET - SEBUAH BANGUNAN PENCAKAR LANGIT DI JALAN SULTAN ISMAIL YANG MENEMPATKAN IBU PEJABAT PROMET YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN PERNIAGAAN DALAM BERBAGAI BIDANG TERMASUK PERUSAHAAN PEMBINAAN KAPAL, PEMBANGUNAN HARTA DAN CARI-GALI MINYAK DAN GAS.

BANGUNAN ITU MEMPUNYAI PODIUM TIGA SEGI YANG UNIK DAN MENARANYA SETINGGI 34 TINGKAT BERBENTUK LAPAN SEGI.

BELIAU MENERANGKAN PROJEK-PROJEK YANG ADA SEKARANG MEMERLUKAN KEUPAYAAN KEWANGAN, KEJURUTERAAN, REKABENTUK, TEKNOLOGI MODEN, KEMAMPUAN PENGURUSAN YANG TINGGI SUPAYA DAPAT DIPERCAYAI UNTUK MENYELENGGARAKAN PROJEK YANG BERNILAI BERATUS JUTA SECARA TURNKEY. -- LAGI 1738/II

PM-PROMET 2 KUALA LUMPUR

+KITA TIDAK BOLEH PIKUL PROJEK YANG TERBENGGALAI SEPERTI YANG BERLAKU KEPADA BANYAK PROJEK SEKOLAH DI BEBERAPA NEGERI,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KEUPAYAAN MEMBINA DENGAN CEPAT TETAPI EFISIEN DAN KEMAS ADALAH PENTING DALAM KEADAAN DI MANA INFLASI SUDAH MENJADI PERKARA BIASA.

BELIAU KESAL KERANA TERDAPAT TERLALU BANYAK PEMBINAAN YANG MENGAMBIL MASA YANG LEBIH PANJANG DARIPADA YANG DIRANCANG DAN AKIBATNYA BUKAN SAHAJA MELEBIHI DARI KOS ASAL YANG BANYAK TETAPI PENDAPATAN DARI PROJEK TERGENDALA.

+BANYAK RANCANGAN KERAJAAN YANG MENGALAMI MASALAH INI SEHINGGAKAN KADANG-KADANG PERBELANJAAN IALAH BERGANDA ATAU LEBIH LAGI,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN MEMANDANG KEPADA MASALAH INI, KERAJAAN BARU-BARU INI TELAH MEMILIH CARA TURNKEY DENGAN KOS TETAP DALAM PEMBERIAN KONTRAK UNTUK MENENTUKAN KOSNYA TIDAK MELEBIHI DARI KOS ASAL TIDAK BERLAKU DAN JANGKA MASA PEMBINAAN TIDAK MELEBIHI JADUAL.

TETAPI MALANGNYA, KATA BELIAU, CARA INI CUMA BOLEH DIBERI KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BETUL-BETUL BERKENAMPUAN.

INI BERMAKNA BANYAK DARIPADA SYARIKAT KECIL DALAM NEGERI TIDAK MENDAPAT PELUANG SELAIN DARI MENJADI +SUBCONTRACTOR+ ATAU RAKAN PERKONGSIAN MENGIKUT SYARAT PEMBERIAN KONTRAK YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN. -- LAGI 1740/ZCM

ZCZC 8610

PM - PROMET 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERHARAP SYARIKAT TEMPATAN AKAN MENYUSUN DIRI MEREKA SUPAYA LAYAK DAN BERJAYA MENGURUS PROJEK TURNKEY.

SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA TIDAK PERLU SERATUS PERATUS BUMIPUTERA, TAMBAH BELIAU.

DALAM TEMPOH PENEROKAAN INI, KATA PERDANA MENTERI MEREKA HARUS SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN SYARIKAT SYARIKAT LAIN BAIK DARI DALAM NEGERI ATAU DARI LUAR.

"YANG PENTING SEKALI IALAH MEREKA MEMPELAJARI BERSUNGGUH-SUNGGUH CARA-CARA MENGURUS DARIPADA RAKAN MEREKA DAN DARIPADA USAHA SAMA MEREKA."

DATUK/SERI DR MAHATHIR BERKATA HARI INI MASIH BANYAK DARIPADA PROJEK TURNKEY YANG DIMENANGI OLEH SYARIKAT ASING DAN KERAJAAN SEDAR TERHADAP KESAN PEMBERIAN KONTREK KEPADA KONTRAKTOR LUAR NEGERI KERANA DISAMPING KERUGIAN YANG DIALAMI OLEH KONTRAKTOR TEMPATAN, NEGARA JUGA KEHILANGAN PERTUKARAN ASING.

MENURUTNYA PERUSAHAAN PEMBINAAN ADALAH DIANTARA PERUSAHAAN YANG PALING AKTIF DAN MENINGKAT DAN HARI INI PERUSAHAAN PEMBINAAN TELAH MEMENUHI 4.7 PERATUS DARI KELUARAN KASAR NEGARA (GNP). -- LAGI

1743/II

ZCZC 8611

PM-PROMET 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, KEMUNGKINAN IALAH PERATUSAN ITU AKAN MENINGKAT KEPADA 5.2 DALAM TAHUN 1990 DENGAN PELUANG 337,000 PEKERJAAN YANG WUJUD SEKARANG DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 413,000 DALAM TAHUN 1990.

+OLEH ITU PENGUSAHA PEMBINAAN TEMPATAN HENDAKLAH MENYEDIAKAN DIRI UNTUK MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BESAR SESUDAH MEMPELAJARI DARI PENGUSAHA LUAR NEGERI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMINTA PENGUSAHA TEMPATAN MENGUBAH SIKAP KONSERVATIF SUPAYA PENGGUNAAN TEKNOLOGI BARU DAPAT DIGUNAKAN BAGI MELICINKAN PROSES PEMBINAAN.

MEREKA HENDAKLAH MENJALANKAN PENYELIDIKAN SENDIRI DALAM SAINS PEMBINAAN, TERUTAMA PEMBINAAN DALAM ALAM TROPIKA YANG MANA FAKTOR MANA ADALAH BERBEZA DARI YANG TERDAPAT DI NEGARA-NEGARA TEMPARATE MANA NEGARA KINI MENDAPAT TEKNOLOGINYA.

+BEGITU JUGA ADAT RESAM DAN NILAI-NILAI TEMPATAN HENDAKLAH DIAM-LIKIRA DALAM REKA-BENTUK DAN PERALATAN YANG DIGUNA DI NEGARA TROPI-KHUSUSNYA DI MALAYSIA.+

BELIAU MENGESYORKAN SUPAYA KAJIAN KHAS DIBUAT OLEH KONTRAKTOR KONTRAKTOR DENGAN DIBANTU OLEH UNIVERSITI TEMPATAN BAGI TUJUAN ITU. -